



# Perbomohan, Khurafat dan Syirik

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi  
Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**A**ntara warisan tradisi turun-temurun orang Melayu sejak zaman sebelum Islam yang masih tersisa hingga hari ini ialah institusi bomoh dan aktiviti perbomohan. Kelangsungan institusi bomoh ini disebabkan pelbagai faktor, antara yang paling ketara termasuklah kerana wujud “permintaan” dalam kalangan anggota masyarakat.

Dalam konteks Malaysia, permintaan tersebut datangnya daripada masyarakat Melayu-Islam sendiri yang terdiri daripada hierarki sosial tertinggi sehingga rakyat marhaen, institusi ini kekal relevan sebab dilihat sebagai alternatif bagi penyelesaian masalah yang bersabit dengan nasib dan juga penyakit. Bagi pihak bomoh, sudah pasti pulangan pengeras yang lumayan menjadi motivasi untuk meneruskan kerjaya mereka.

## **Bomoh di mata masyarakat**

Wujud dualisasi konotasi kedudukan bomoh dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia, iaitu pertama bomoh sebagai perawat tradisional yang tidak ada masalah dengan syariat Islam dan kedua bomoh yang merawat menggunakan kaedah batin, mantera dan sihir mistik, dan seumpamanya yang memang bermasalah dan bertentangan dengan syariat Islam.



Persoalannya, bagaimanakah untuk memastikan perkhidmatan seseorang bomoh itu selamat dan tidak melanggar syariat, serta tidak menggunakan kaedah perawatan yang terlarang dari sudut agama Islam? Hal ini amat rumit untuk dirungkaikan. Antara puncanya termasuklah akibat sinkretisme (asimilasi) budaya dan agama dalam hal ini yang berlaku semenjak ratusan tahun lampau, iaitu zaman pra-Islam. Fenomena ini benar-benar mencabar keintelektualan dan keimanan seseorang untuk memahami dan bertindak bagi membanteras fenomena ini.

Bayangkan seorang Muslim yang soleh, baik, menjaga agama dan seluruh ajarannya, tetapi pada masa yang sama berasa tiada masalah untuk menggunakan khidmat bomoh, pawang, dukun, poyang, tukang tilik, dan seumpamanya. Mereka juga mempercayai sial, pantang larang, tangkal, dan lain-lain atas alasan ikhtiar dan sudah menjadi kebiasaan masyarakat sekeliling mereka. Bukankah berlaku pertentangan dalam perkara ini? Hal ini dikatakan demikian

kerana Islam sebagai sebuah agama tauhid diturunkan untuk membebaskan dan membersihkan manusia daripada perkara yang boleh menyebabkan kesyirikan kepada Allah SWT sama seperti kepercayaan dan amalan tersebut.

Dalam sebuah jurnal tulisan Shuharmi Abdullah yang bertajuk “Institusi Bomoh dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam” terbitan *Jurnal Pembangunan Sosial*, pengkaji menyinggung tentang selera tempatan. Para pengkaji merumuskan walaupun sinkretisme berlaku dalam amalan perbomohan dan bukan lagi rahsia, namun perkara ini dilihat sebagai cara yang mampu untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan mencapai hasrat mereka.

### Bomoh dan sinkretisme

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, bomoh didefinisikan sebagai tabib yang mengubati orang sakit dengan menggunakan ubat tradisional atau cara kampung dan jampi. Bomoh juga dikenali sebagai pawang dan dukun. Antara khidmat mereka selain merawat termasuklah menyihir dan mencelakakan.

Namun begitu, terdapat kefahaman bahawa bomoh tidak semestinya terlibat dengan perkara yang melanggar syarak. Bomoh yang melanggar syarak dikenali dengan panggilan suangi, manakala cenayang dan balian merujuk bomoh yang menggunakan khidmat makhluk halus atau sihir. Namun begitu, apabila membicarakan kedudukan dan kefahaman tentang bomoh, secara realitinya minda masyarakat Melayu memahami dan mengatakan bahawa definisi



Sihir merupakan dosa ketiga terbesar dalam Islam.

bomoh sama ada yang baik atau yang jahat adalah sama.

Oleh itu, kita perlu kembali mendefinisikan dan memperincikan maksud perubatan tradisional atau perubatan alternatif, sekali gus menentukan batas-batas yang dibolehkan dan tidak dibolehkan dalam perubatan tradisional tersebut. Kearifan tempatan dalam perubatan tradisional sudah terbukti secara saintifik dari aspek perubatan yang berasaskan herba ataupun kemahiran berkaitan dengan fisiologi.

Setiap masyarakat di dunia ini mempunyai kaedah perubatan tradisional yang tersendiri, yang menjadi sebahagian daripada warisan turun-temurun sejak zaman-berzaman. Kaedah perubatan ini dibina berdasarkan perkembangan intelektual dan pengalaman hidup mereka, serta interaksi dengan alam. Lama-kelamaan kepandaian tersebut diperturunkan dan terus diperkembangkan sehingga manusia mempunyai kepandaian teknologi dan alami (semula jadi) yang tersendiri. Secara asasnya, itulah yang dinamakan sebagai kearifan tempatan.

Namun begitu, penyembuhan bagi suatu penyakit datang dengan kepercayaan kuasa

penyembuh yang berpunca daripada kuasa tertentu. Sejak dahulu, wujud konsep semangat atau mambang, kemudian zaman Hindu dan Buddha muncul konsep dewa dan roh orang mati yang mampu memberikan kebaikan atau kemudaratan kepada orang yang hidup. Sepanjang proses evolusi tersebut, institusi bomoh memainkan peranan penting sebagai pengantara antara pesakit dengan institusi ghaib atau mistik yang menyembuhkan tersebut.

Oleh sebab bomoh, pawang, dukun, poyang ini dipercayai mempunyai kelebihan dan kemampuan berinteraksi dengan kuasa ghaib daripada pelbagai versi itu, maka pergantungan terhadap mereka sentiasa wujud hingga hari ini. Meskipun matlamat utama akidah tauhid adalah untuk membebaskan umat manusia daripada kepercayaan seperti ini, namun masyarakat Melayu yang sudah menjadi Islam semenjak seribu tahun lalu masih lagi rancu dan tidak faham akan hal perbomohan ini.

Sudah sampai masanya perawat tradisional yang benar-benar menggunakan herba alami dan ilmu fisiologi seperti mengurut dan akupunktur yang terbukti secara saintifik dibezakan

dengan golongan perawat yang mengasimilasikan kaedah rawatan, seperti amalan kebiasaan para bomoh, pawang dan dukun.

Meskipun Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ada mengeluarkan sebuah dokumen *Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam*, jika diteliti inti pati buku ini, jelas ingin mengisytiharkan kepada umat Islam di Malaysia supaya tidak terlibat dengan hal yang berkaitan dengan aktiviti perbomohan. Umat Islam perlu mempunyai ilmu untuk membezakan antara perawat yang benar-benar menggunakan kaedah herba dan fisioterapi seperti mengurut dengan perawat yang mencampuradukkan dengan amalan yang bercanggah dengan syariat Islam meskipun mereka menggunakan simbol Islam yang jelas.

## Sinkretisme dalam perubatan Melayu tradisional

Mutakhir ini, kajian terhadap manuskrip Melayu khususnya yang bertemakan perubatan tradisional atau lebih masyhur dengan nama "Tib Melayu" semakin mendapat perhatian para sarjana. Jika sebelum ini, manuskrip Melayu hanya ditangani oleh sarjana kesusasteraan Melayu tradisional, kini sarjana dalam bidang sains dan perubatan juga sudah mula memberikan perhatian terhadap manuskrip "Tib Melayu".

Sebahagian besar kandungan manuskrip "Tib Melayu" sememangnya tentang khazanah perawatan yang begitu hebat berasaskan flora. Kajian saintifik yang dibuat membuktikan bahawa terlalu banyak tumbuhan alami

"Teknologi tradisional yang ditinggalkan oleh pendahulu kita kini dikaji dalam bidang teknologi sains (ethnosains), maka semakin banyak kehebatan dan kebijaksanaan lampau dapat digali. Malah, sebahagian daripadanya disalah anggap sebagai perkara khurafat, tahyul dan mistik, namun sebenarnya merupakan kearifan tempatan atau ethnosains yang begitu tinggi nilainya."

tempatan yang mempunyai pelbagai khasiat perubatan dan perawatan.

Walau bagaimanapun, sebahagian kecil daripada kandungan manuskrip tersebut sudah ditransliterasi dan dianotasi (dihuraikan) oleh para pengkaji. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa memang wujud petua yang bersabit dengan mantera dan ritual pemujaan terhadap makhluk ghaib (*rijal al-ghayb*), para wali, roh dan banyak lagi yang jelas bertentangan dengan prinsip syariat Islam.

Apakah keseluruhan ilmu yang terdapat dalam manuskrip itu perlu ditolak? Sudah tentu tidak. Secara objektif kita hanya perlu menolak sesuatu yang bertentangan dengan syariat Islam dan menerima segala kebaikan dan kehebatan yang wujud dalam khazanah nenek moyang kita dahulu.

Asasnya, kebanyakan teknologi tradisional yang ditinggalkan oleh pendahulu kita kini dikaji dalam bidang teknologi sains (etnosains), maka semakin banyak kehebatan dan kebijaksanaan lampau dapat digali. Malah, sebahagian daripadanya disalah anggap sebagai perkara khurafat, tahyul dan mistik, namun sebenarnya merupakan kearifan tempatan atau etnosains yang begitu tinggi nilainya.

Profesor Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Haji Ab. Majid pernah berkongsi bahawa tatkala orang Inggeris datang ke Kelantan, mereka melihat permainan gasing. Mereka pelik apabila melihat gasing Kelantan boleh berpusing selama berjam-jam di atas pancang dengan hanya sekali tarik. Sudah pasti ada enjin di dalamnya, lalu dibelah gasing itu ternyata tiada apa-apa di dalamnya. Pada hakikatnya, pusingan gasing itu digerakkan oleh hukum fizik, proses pembuatan, bentuk dan bahan buatan yang berasal daripada timah. Kesepaduan faktor yang disebutkan kemudian berjaya menjadi pengimbang graviti sehingga gasing mampu berputar selama berjam-jam.

Begitulah juga prinsip dan sebab apabila ada keris yang dapat berdiri di atas hujung bilahnya yang runcing dan tajam itu. Inilah kehebatan mahir besi pembuatan keris bermain dengan elemen besi yang mencampurkan dan mengadun bahan sehingga muncul keris yang antigraviti. Namun begitu, oleh sebab sukar untuk dijelaskan kepada orang awam pada zaman dahulu, maka kesimpulan yang mudah dikatakan bahawa ada jin atau penunggu pada keris tersebut.

Dalam isu perbomohan ini juga, begitu banyak ilmu dan etnosains yang ditinggalkan oleh nenek

moyang kita yang tidak difahami oleh pewaris mereka yang kemudian dimanipulasikan atau disalahgunakan sebagai alat mistik perbomohan, dan seumpamanya.

## Kedudukan bomoh dalam Islam

Penulis berpandangan bomoh, pawang, dukun, poyang, dan seumpamanya diasosiasikan (dikaitkan) dengan sihir dan syirik. Sementara itu, golongan yang menggunakan pendekatan herba dan kemahiran fisiologi tradisional perlu diperkenalkan sebagai perawat tradisional.

Menurut Imam Syams al-Din al-Zahabi rahimahullah dalam kitabnya *al-Kaba'ir* yang menghimpunkan 76 dosa besar berdasarkan turutan al-Quran dan sunah, sihir merupakan dosa ketiga terbesar dalam Islam. Mereka yang mengamalkan sihir pula biasanya akan mendapat bantuan daripada jin dan iblis. Jin dan iblis pula matlamat abadinya sampai kiamat hanya satu, iaitu menjadikan manusia syirik kepada Allah SWT dan mati dalam kesyirikan, lantas kekal dalam api neraka bersama-sama mereka.

Kemunculan istilah tabib jelas menunjukkan pengaruh Arab dan Islam seolah-olah memberikan isyarat bahawa mereka ialah perawat yang tidak mencampuradukkan kaedah perawatan yang tidak jelas dan mempunyai unsur yang bertentangan dengan syariat Islam. Kadang-kadang ada antara mereka yang memakai gelaran tabib mahupun perawat Islam malah ustaz, tetapi menggunakan dan mengamalkan kaedah yang bercampur aduk dan meragukan.

Oleh hal yang demikian, orang awam memerlukan ilmu asas yang kuat untuk membezakan antara jenis rawatan yang boleh diterima oleh syarak dengan amalan yang melanggar syarak. Bagi melihat perincian bomoh dalam konteks perawat tradisional yang boleh digunakan khidmat mereka tanpa keraguan, maka rujuklah buku *Garis Panduan Perbomohan Menurut Islam*.

Rasulullah SAW mengajar kita untuk keluar daripada keraguan kepada perkara yang tidak meragukan. Perbomohan dari perspektif mana pun sukar untuk tidak terlibat dengan perkara syubhah yang ada, khususnya yang berkaitan dengan akidah. Perbomohan sewajarnya bukan menjadi pilihan utama jika kita diuji dengan penyakit atau musibah tertentu. Namun begitu, sebahagian ulama membenarkan dengan disiplin (*dawabit*) yang sangat ketat selagi tidak melibatkan dan menjejaskan hal akidah. 🕌